

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 OKTOBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 22

Sistem subsidi bersasar dilaksana tahun depan

Sistem subsidi bersasar dilaksana tahun depan

Langkah ringankan beban fiskal kerajaan, tangani kemiskinan

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kerajaan akan memperkenalkan sistem subsidi bersasar pada 2024 bagi membantu meringankan beban fiskal kerajaan sambil pada masa sama mengurangkan kemiskinan dan ketidakseimbangan, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, berdasarkan simulasi Bank Dunia mendapati dengan mengalihkan item subsidi yang tinggi kepada mengembangkan bantuan sosial akan mengurangkan kemiskinan sebanyak 2.0 mata kepada 5.6 mata.

Malah, jelasnya, pemindahan secara langsung juga dianggarkan menjadi empat kali lebih kos efektif untuk mengurangkan ketidak-samaan berbanding subsidi.

"Hanya dengan melakukan ini, kadar kemiskinan dan ketidaksamaan yang sebahagian besarnya tidak berubah selama 10 tahun yang lalu akhirnya mula berkurangan semula," katanya pada pelancaran Laporan 'Malaysia Economic Monitor: Raising the Tide, Lifting All Boats' oleh Bank Dunia di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Pengurus Negara Bank Dunia bagi Malaysia, Dr Yasuhiko Matsuda.

Mengenai model subsidi bersasar yang akan digunakan, Rafizi berkata, pelbagai model disedia-



Rafizi dan Matsuda (kanan) pada majlis pelancaran Laporan 'Malaysia Economic Monitor: Raising the Tide, Lifting All Boats' di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Fathil Asri/BH)



kan Kementerian Ekonomi, namun keputusan akhir akan diputuskan Jemaah Menteri.

Laksana kajian terperinci

Beliau berkata, kementeriannya melakukan kajian terperinci dalam menyediakan model dan pilihan yang boleh dilaksanakan bagi sistem subsidi bersasar.

Katanya, model dan pilihan yang dibuat itu mengambil kiraimbangan antara mencapai matlamat untuk mengukuhkan kedudukan fiskal kerajaan dan pada

masa sama memastikan bantuan diperuntukkan sebaiknya untuk golongan memerlukan.

"Model telah sedia. Kami (Kementerian Ekonomi) sedia model berbeza-beza dan keputusan akhir akan diputus Jemaah Menteri," katanya.

Mengenai prospek ekonomi negara memandangkan Bank Dunia telah membuat semakan menurun unjuran Malaysia kepada 3.9 peratus bagi 2023 berbanding 4.3 peratus sebelumnya, Rafizi berkata, pertumbuhan ekonomi semanganya perlahan dan sudah dijangkakan berikutan kelembapan global.

Beliau berkata, sebagai negara pengeksport, apabila eksport menurun, sudah pasti ekonomi negara terkesan dan pertumbuhan dijangkakan perlahan tahun ini.

"Namun begitu, bagi tahun depan, ekonomi dijangka lebih baik," katanya.

Mengenai Sistem Pangkalan Data Utama (PADU), Rafizi ber-

kata, setakat ini, proses pembangungan sistem berkenaan berjalan lancar dan akan melalui tempoh percubaan mulai November ini sebelum akan dibuka kepada orang ramai pada Januari 2024.

Beliau berkata, bagi membolehkan subsidi bersasar dilaksanakan secara berkesan, pihaknya perlu mengenal pasti isi rumah mengikut pendapatan, lokasi, dan komitmen mereka bagi mendapatkan kedudukan pendapatan boleh guna bersih mereka untuk mengira berapa banyak yang perlu diberikan dalam subsidi.

Katanya, PADU juga mengenai bantuan sosial bagi memastikan penerima layak menerima jumlah bantuan yang betul, dan mengelakkan masalah keciciran manfaat dan pengagihan yang tidak adil.

"Selain itu, pangkalan data pusat dengan data pentadbiran juga membuka peluang teknologi kerajaan (GovTech), ID Digital dan pembangungan produk," katanya.